

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN SENIBINA DALAMAN  
APRIL 2008**

Adalah disyorkan bahawa Projek Penyelidikan ini yang disediakan

Oleh

**MASYITAH BT HAMEDAS**

bertajuk

**CADANGAN UBAHSUAI REKABENTUK DALAMAN**

**HOTEL PANGKOR INDAH**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi

**Diploma Rekabentuk Dalaman**

Penyelia Laporan : \_\_\_\_\_ Pn Ruzana Abd. Kadir

Koordinator Kursus : \_\_\_\_\_ Pn. Mawar Binti Masri

Koordinator Program : \_\_\_\_\_ Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa Abd. Rashid

## **ABSTRAK**

Cadangan menaiktaraf dan merekabentuk ruang dalaman bagi Hotel Pangkor Indah di Lot 4451, Teluk Nipah,32300 Pulau Pangkor, Perak yang dimiliki oleh En. Dasbee b. Mohd Tasir. Tujuan utama projek ini adalah untuk merekabentuk dan merancang ruang dengan lebih sistematik dan berfungsi serta selesa dan memenuhi kehendak penghuni ruang tersebut. Rekabentuk baru ini dapat memenuhi objektif projek dalam menyelesaikan masalah ruang dan merekabentuk ruang dengan konsep dan imej baru yang sesuai. Antara kajian yang telah dijalankan sepanjang projek ini adalah menjalankan penyelidikan tentang hotel-hotel yang terdapat di Malaysia, tapak bangunan dan kawasan sekitar. Maklumat tentang tapak bangunan juga dikaji dan diambil untuk memudahkan proses merekabentuk hotel ini seperti contoh-contoh gambar, struktur bangunan, kapasiti dan keluasan tapak. Konsep dan imej yang dicadangkan diharap mampu memberi kesan dalam menarik minat pelancong untuk menginap disamping menambah pendapatan hotel ini.

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum w.b.t. syukur kepada llahi kerana dengan limpah kurniaNya, telah membantu dan membimbing saya dalam menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pensyarah yang telah terlibat dalam membantu saya menyiapkan tugas ini terutamanya kepada koordinator subjek THE 386, Puan Mawar Binti Masri, penyelia laporan yang banyak membantu, Puan Puzana Abd. Kadir dan semua pensyarah subjek IND 381, En Zulkarnain Hazim, En. Mohd Khedzir Khamis dan En. Nordin bin Misnat diatas segala nasihat dan tunjuk ajar yang telah diberikan. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan kerjasama dan pertolongan secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan projek semester akhir ini. Akhir sekali setinggi-tinggi penghargaan kepada keluarga saya yang tidak pernah jemu memberi dorongan dan sokongan dari awal saya disini hingga sekarang.

## **FORMAT C**

<b>Abstrak</b>	<b>i</b>
<b>Penghargaan</b>	<b>ii</b>
<b>Isi Kandungan</b>	<b>iii</b>
<b>Senarai Jadual</b>	<b>vi</b>
<b>Senarai Rajah</b>	<b>vii</b>
<b>Senarai Foto</b>	<b>viii</b>
<b>Senarai Lampiran</b>	<b>xi</b>
<b>Senarai Singkat Kata</b>	<b>xi</b>

## **KANDUNGAN**

## **MUKA SURAT**

<b>BAB</b>	<b>1.0</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1	PENGENALAN	1
	1.2	METODOLOGI KAJIAN	3
	1.3	MATLAMAT KAJIAN	4
	1.4	OBJEKTIF KAJIAN	5
	1.5	SKOP KAJIAN	6

## **BAB 1.0 PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Malaysia kini semakin dikenali bukan sahaja di Asia malah di seluruh dunia. Dalam kepesatan yang sedang membangun, Malaysia tidak melupakan sektor pelancongan. Pelancongan merupakan sektor yang penting dalam membantu meningkatkan ekonomi negara disamping mempromosikan negara ke taraf antarabangsa. Malaysia telah menjalankan kempen Cuti-cutি Malaysia bagi menggalakkan pelancong samada pelancong asing atau tempatan untuk melancong ke Malaysia. Terdapat banyak tempat-tempat menarik dan cantik yang boleh dilawati di Malaysia. Setiap negeri di Malaysia mempunyai tempat-tempat yang menarik dan istimewa untuk dilawati.

Negeri Perak merupakan salah satu negeri yang mempunyai tempat-tempat yang menarik dan indah untuk dikunjungi antaranya ialah Teluk Batik, Pantai Remis, Lumut, Pulau Pangkor, Taiping, dan sebagainya. Pulau Pangkor merupakan destinasi pelancongan yang amat popular di Perak yang menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara.

Teluk Nipah merupakan salah satu tempat penginapan pelancongan yang terdapat di Pangkor. Disana terdapat banyak kemudahan hotel, chalet dan resort yang dapat memenuhi keperluan pelancong dengan harga yang amat berpatutan. Salah satunya adalah Pangkor Indah Beach Resort yang terletak di Lot 4451, Telok Nipah, 32300 Pulau Pangkor, Perak. Pemilik tempat ini adalah En. Dasbee b. Mohd Tasir.

Hotel ini mempunyai 12 orang pekerja yang bekerja mengikut syif yang telah ditentukan. Pada awal pembukaannya, hotel ini merupakan tempat penginapan yang paling menjadi tumpuan pengunjung dibandingkan hotel-hotel dan resort-resort yang lain.

Penyediaan tempat dan kemudahan pelancongan amat penting bagi menjamin kepuasan dan keselesaan pelancong. Hal ini juga dapat meningkatkan lagi jumlah pendapatan negara di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.